

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: HOTEL NIKKO, KUALA LUMPUR
Tarikh: 14-10-2004
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN LOGO "MALAYSIA INTERNATIONAL
AEROSPACE SHOW (MIAS) 2005"

(Salutations)

1. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menjadi salah sebuah negara yang berkeupayaan menerokai angkasa lepas. Selain memberi fokus terhadap bidang strategik seperti bioteknologi dan ICT, bidang aero angkasa juga berpotensi untuk digarap dan dibangunkan. Bagi tujuan ini, kerajaan memberi fokus terhadap kesedaran masyarakat mengenai sains angkasa dan kesannya kepada manusia melalui komunikasi, tenaga, perubatan, biologi, pendidikan dan sebagainya.
2. Lantas penganjuran Malaysia International Aerospace Show (MIAS) 2005 tepat pada masanya, selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan menarik minat rakyat terutamanya generasi muda untuk menceburi sektor ini secara serius. Maklum balas yang diterima daripada MIAS 2005 ini akan dapat membantu kerajaan merangka strategi yang lebih mampan dalam menyediakan prasarana, tenaga pakar serta program-program khas bagi menyokong keperluan sektor ini.
3. Bagi bidang aero angkasa contohnya, kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif, antaranya :
 - i) Pelancaran satelit pertama negara, MEASAT-1 ke orbit pada 1996. Kita juga sedang membangunkan sebuah lagi satelit iaitu RazakSAT yang akan dilancarkan ke orbit pada 2005.
 - ii) Penubuhan Agensi Angkasa Lepas Kebangsaan, yang menguruskan keperluan kerajaan di dalam teknologi aero angkasa dan satelit, selain daripada mengenalpasti infrastruktur dan merangka polisi aero angkasa kebangsaan. Agensi ini turut bertanggungjawab merangka pelan strategik untuk program angkasa lepas dan satelit negara.
 - iii) Kerajaan juga telah melancarkan Program Angkasawan

Kebangsaan untuk menghantar angkasawan tempatan ke angkasa lepas pada tahun 2007 di samping menjalinkan kerjasama erat di antara Malaysia dan Rusia di dalam bidang pemindahan teknologi aero angkasa.

iv) Mewujudkan program ijazah di dalam bidang sains angkasa di Universiti Sains Malaysia (USM). Kini, USM menawarkan Program Kejuruteraan Aero Angkasa yang memberi penekanan kepada reka bentuk kenderaan angkasa termasuk satelit.

Aktiviti kajian kejuruteraan aero angkasa juga dijalankan di fakulti ini oleh kakitangan akademik yang merangkumi bidang Aeronautics, Astronautics dan Satellite Technology.

Di samping kajian individu, kakitangan akademik juga terlibat di dalam kajian-kajian lain serta projek perundingan yang dijalankan secara usahasama.

Hadirin sekalian,

4. Kerajaan berhasrat untuk menjadikan "Malaysia International Aerospace Show 2005" sebagai Program Kebangsaan, selari dengan visi Malaysia untuk menjadi negara pertama di Asia Tenggara yang menganjurkan Expo Aero Angkasa bertaraf dunia.

5. Program ini dijangka mampu membantu kerajaan mengubah persepsi masyarakat mengenai industri aero angkasa.

Program yang memuatkan maklumat lengkap mengenai bidang aero angkasa dan padat dengan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penerokaan angkasa lepas akan memberi pendedahan berguna kepada masyarakat. Selain tarikan utama expo iaitu kapal angkasa Rusia, Buran, aktiviti lain yang disusun untuk pengunjung sepanjang program ini termasuklah "Launch Experience Theatre", Space Artifacts Gallery, Astronaut Training Show, Lunar Landing Show, Astronaut Fitness Tests, Mars Exploration, Simulators: Lunar Landing Simulator, Mars Adventure Simulator, Shuttle Flight Simulator. Lebih menarik lagi pengunjung turut diberi peluang untuk melihat sendiri segala kelengkapan dan peralatan yang digunakan bagi penerokaan angkasa lepas. Pengalaman berharga yang mereka perolehi lebih-lebih lagi bagi generasi muda akan menarik minat mereka untuk belajar dan menceburi bidang aero angkasa secara serius.

6. Selain itu, program ini akan menjadi pentas yang paling ideal dan strategik bagi 18 buah syarikat aero angkasa dan antarabangsa, pakar-pakar, saintis, ahli-ahli akademik dan

orang ramai untuk berkongsi idea, pengetahuan dan bertukar pandangan mengenai bidang aero angkasa.

7. Rakan-rakan dari negara serantau akan turut merasai sendiri pengalaman sebenar penganjuran program ini.

Kehadiran mereka secara tidak langsung memberi peluang kepada kita untuk duduk semeja dan bertukar-tukar pandangan mengenai masa depan industri aero angkasa di rantau ini.

8. Kita juga sedar bahawa negara masih lagi kekurangan saintis. Jumlah saintis yang sedia ada hanya pada kadar 18 saintis bagi setiap 10,000 penduduk. Kerajaan memberi penekanan serius berkenaan hal ini. Oleh itu, langkah penganjuran MIAS 2005 adalah perlu dalam usaha memenuhi matlamat Wawasan 2020 bagi memastikan kuota 60 saintis bagi 10,000 penduduk tercapai.

9. Di samping itu, program ini secara tidak langsung akan memberi kesedaran dan mengubah persepsi masyarakat mengenai kepentingan dan masa depan cerah yang ditawarkan di dalam industri ini. Keberkesanan program ini akan menyumbang kepada usaha kita untuk melihat angkasawan di kalangan anak tempatan pada tahun 2007 menjadi kenyataan.

10. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada HeiTech Padu Berhad di atas kesungguhan untuk melaksanakan projek yang mempunyai kepentingan negara ini. Namun, kita sedia maklum bahawa pelaksanaan "showcase" bertaraf dunia seperti MIAS 2005 ini memerlukan perbelanjaan yang besar. Oleh itu, saya harap semua pihak termasuklah badan kerajaan dan pihak swasta membantu HeiTech menjayakan projek ini.

11. Justeru, Kementerian yang terlibat dengan pembangunan bidang aero angkasa iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pelajaran serta Kementerian Pertahanan diharap dapat membantu menjayakan MIAS 2005. Syarikat-syarikat kepentingan kerajaan seperti Petronas, Tenaga Nasional dan Telekom serta syarikat swasta seperti Maxis, Binariang, Celcom dan DRB-Hicom serta pusat-pusat pengajian tinggi juga diharap dapat bersama membantu. Saya percaya sokongan dan bantuan ini akan menyuntik semangat HeiTech untuk menjadikan MIAS 05 sebagai "showcase" yang gemilang.

12. Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih.